

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 AUGUST 2016

Najib nasihat jemaah haji jaga imej negara

BH-5/8/2016

Petaling Jaya: Jemaah haji perlu berusaha menjaga imej negara yang saban tahun mendapat pujian daripada pemimpin dunia, khususnya Kerajaan Arab Saudi, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berharap prestasi atau imej baik jemaah haji Malaysia terus dipertahankan dengan mengelak melakukan sebarang perkara yang boleh mencemar nama baik negara, sekali gus menyalahi undang-undang tuan rumah.

“Setiap kali saya bertemu dengan Raja Arab Saudi, pemimpin itu tidak pernah tidak memuji amalan tingkah laku jemaah haji dari Malaysia yang disifatkan sangat baik dan berdisiplin.

“Dua hari lalu, ketika saya bertemu Timbalan Perdana Menteri Jordan di Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF), Jakarta, perkara sama juga disebut oleh beliau bahawa jemaah haji dari Malaysia menunjukkan teladan yang amat baik sekali.

Jaga nama baik negara

“Oleh itu, kita hendaklah mengelak daripada melakukan apa-apa perkara yang boleh mencemar nama baik Malaysia atau boleh membawa kesan yang tidak baik terhadap ibadat kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Mengucapkan


Selamat Jalan Kepada Jemaah Haji Ke Baitullahilharam, Musim Haji 1437H di Dewan Melawati Tabung Haji (TH) Hotel Kelana Jaya di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; timbalannya Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki serta Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

Perdana Menteri dan isteri meluangkan masa bersalaman dengan 450 jemaah haji yang menjadi kumpulan kedua berlepas ke Tanah Suci jam 4 petang semalam, menaiki pesawat Boeing 747-400, SV5401 milik Saudi Airlines. Penerbangan dijangka tiba di Madinah jam 7.30 malam (waktu Arab Saudi).

Najib turut meminta jemaah haji mendoakan kesejahteraan dan keamanan negara terutama ketika berada di Tanah Suci berikutan kebelakangan ini banyak negara menjadi sasaran serangan pengganas.

“Oleh kerana kejadian keganasan berlaku di pekarangan Masjid Nabawi, Madinah, Ramadan lalu, maka saya diberitahu bermula tahun ini, kerajaan Arab Saudi akan mengeneakan beberapa langkah keselamatan tambahan iaitu imbasan 10 cap jari secara biometrik,” katanya.



Keberangkatan jemaah haji Malaysia

→ **22,320** jemaah haji musim ini

→ **Kumpulan** pertama berlepas jam 5 pagi semalam

→ **Penerbangan** terakhir ke Tanah Suci pada 5 September ini

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]



Najib bersama isteri bersalaman dengan kumpulan kedua jemaah haji yang berlepas ke Tanah Suci di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, semalam.